

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]**

SOALAN NO. 232

Y.B. TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai yang diterima oleh Kerajaan di bawah program khas pengakuan sukarela seperti mana yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) adalah salah satu usaha Kerajaan dalam melakukan pembaharuan percukaian bagi menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela dan melaporkan pendapatan mereka yang sepatutnya. PKPS bertujuan untuk meningkatkan pematuhan pembayar cukai kepada perundangan negara, di samping menerapkan nilai kebertanggungjawaban mereka untuk menyumbang kepada hasil Kerajaan yang akan digunakan untuk pembangunan negara. Pengakuan sukarela tersebut merangkumi aktiviti berikut:

- i. melaporkan pendapatan yang belum / kurang dilaporkan, perbelanjaan terlebih tuntutan / tidak dibenarkan dan pelepasan / potongan / rebat terlebih tuntutan;
- ii. melaporkan keuntungan pelupusan aset (harta tanah dan saham dalam syarikat harta tanah); dan
- iii. penyeteman surat cara yang belum disetem.

Semenjak PKPS diperkenalkan pada 3 November 2018 sehingga 31 Mac 2019, sebanyak 381,979 kes pengakuan sukarela telah diterima dan sedang diproses oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.